

Berikut ialah Terma dan Syarat yang mentadbir pembukaan dan pengendalian Term Deposit Islamik di Bank Simpanan Nasional. Dengan membuka Term Deposit Islamik, Pelanggan dengan ini bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan kaedah-kaedah (aturan) dan peraturan di bawah termasuk manamana perubahan atau penambahan padanya sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

1. DEFINISI DAN TAFSIRAN

- 1.1 Melainkan tujuan menyatakan sebaliknya, takrif dan taksiran berikut hendaklah terpakai:
- (a) **“Akaun”** BSN Term Deposit-i and BSN Term Deposit-i Senior Citizen.
 - (b) **“Bank”** bermaksud Bank Simpanan Nasional.
 - (c) **“Butiran Keselamatan”** termasuk tetapi tidak terhad kepada Kata Laluan Elektronik dan apa-apa maklumat sulit lain dan/atau kod keselamatan yang digunakan berkaitan dengan Akaun Pelanggan.
 - (d) **“Dagangan Komoditi”** bermaksud transaksi jual dan beli selaras dengan prinsip-prinsip Syariah Tawarruq.
 - (e) **“Harga Belian”** bermakna harga untuk urusan pembelian Komoditi yang dilakukan oleh pihak Bank sebagai ejen Pelanggan yang mana jumlahnya bersamaan dengan jumlah Deposit Bersih Harian Pelanggan.
 - (f) **“Harga Jualan”** bermakna bayaran oleh pihak Bank dalam transaksi Tawarruq untuk membeli Komoditi daripada Pelanggan yang mana jumlahnya bersamaan dengan Harga Belian ditambah dengan margin keuntungan.
 - (g) **“Hari Niaga”** bermaksud hari bekerja di mana pihak Bank beroperasi di Malaysia Barat dan Malaysia Timur (tidak termasuk cuti umum).
 - (h) **“Hari Urusniaga Perdagangan”** merujuk kepada hari di mana transaksi pembelian Komoditi dilakukan oleh pihak Bank dengan Pembekal iaitu setiap hari termasuk cuti umum.
 - (i) **“Komoditi”** bermakna barangan atau aset pendasar yang dibenarkan oleh Syariah. Komoditi yang digunakan untuk transaksi Tawarruq di BSN adalah *Plastic Resin* dan *Crude Palm Oil* atau lain-lain jenis komoditi yang ditentukan oleh BSN dari semasa ke semasa..
 - (j) **“Laman Web Bank”** merujuk kepada laman web rasmi Bank iaitu www.bsn.com.my.
 - (k) **“Murabahah”** merujuk kepada jual dan beli aset di mana kos pemerolehan dan margin keuntungan dinyatakan kepada pembeli.
 - (l) **“Notis Mencukupi”** bermaksud notis dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh kuatkuasa.
 - (m) **“Pelanggan”** bermaksud Pemegang Akaun termasuk individu, perkongsian, pemilikan tunggal, syarikat, kelab, persatuan, organisasi dan badan-badan berkanun, melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Terma dan Syarat ini atau oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
 - (n) **“Pembekal”** bermakna peniaga Komoditi dan / atau pembekal yang berurusan dengan Bank.
 - (o) **“Rebat”** merujuk kepada ‘pengecualian hak tuntutan’ yang diberikan oleh seseorang kepada orang lain yang mempunyai kewajipan yang harus diberi.
 - (p) **“Tarikh Matang”** kepada tarikh di mana deposit Pelanggan boleh dikeluarkan berdasarkan kepada tempoh matang yang dipersetujui dan dinyatakan di dalam Akaun.
 - (q) **“Tawarruq”** terdiri daripada dua kontrak jual beli di mana kontrak pertama melibatkan penjualan aset kepada pembeli secara bayaran tertangguh. Kemudian, pembeli dalam urusan Jualan pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dengan sertamerta. Dalam produk ini, Bank sebagai ejen Pelanggan akan membeli Komoditi pada Harga Belian daripada pembekal dan Bank sebagai ejen Pelanggan kemudian, menjual Komoditi kepada pihak Bank pada Harga Jualan secara Murabahah yang mana hendaklah dibayar kepada Pelanggan pada Tarikh Matang (selepas mengambil kira sebarang rebat, jika ada). Pihak Bank kemudiannya menjual Komoditi tersebut kepada pihak ketiga secara tunai.
 - (r) **“Wakalah”** bermaksud suatu kontrak di mana satu pihak (muwakkil) memberi kebenaran

kepada pihak yang lain sebagai ejennya (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu, dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, sama ada secara sukarela atau dengan fi.

- 1.2 Tajuk kecil, tajuk dan pembahagian peruntukan kepada seksyen dan fasal dalam Terma dan Syarat ini adalah bertujuan untuk memudahkan rujukan sahaja dan tidak akan dipertimbangkan dalam tafsiran peruntukan Terma dan Syarat ini.
- 1.3 Perkataan yang menunjukkan mufrad merangkumi jamak dan sebaliknya.

2. KONSEP SHARIAH

- 2.1 Konsep Syariah yang digunapakai adalah Tawarruq (Murabahah Komoditi) yang melibatkan dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Seterusnya, pembeli bagi urusan jual beli aset yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan lani.
- 2.2 Konsep Tawarruq ini juga melibatkan kontrak Wakalah (kontrak Perwakilan) dengan menggunakan struktur '*dual agency*' yang merangkumi:
 - (a) Pelantikan Bank sebagai wakil pelanggan untuk membeli Komoditi daripada pihak ketiga
 - (b) Pelantikan Bank sebagai wakil pelanggan untuk menyempurnakan penjualan Komoditi secara Murabahah kepada Bank.

3. PEMBUKAAN AKAUN

- 3.1 Pembukaan akaun hendaklah dibuat melalui borang yang ditetapkan oleh Bank dan tertakluk kepada keperluan-keperluan Bank termasuk umur minima, deposit minima, dokumen pengenalan dan keperluan lain yang mungkin dikenakan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
- 3.2 Pelanggan bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk menjalankan apa-apa carian (sekiranya perlu) dan/atau usaha wajar ke atas butiran yang dikemukakan oleh Pelanggan mengikut keperluan di bawah polisi Bank.
- 3.3 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk meminta Pelanggan mengemukakan sebarang dokumen sokongan bagi tujuan pembukaan akaun, apabila perlu.
- 3.4 Bank berhak untuk menolak sebarang permohonan pembukaan akaun oleh Pelanggan sekiranya Pelanggan gagal mengemukakan maklumat dan/atau dokumen yang sah dan tepat dan/atau Pelanggan tidak memenuhi mana-mana keperluan atau syarat tambahan yang dikenakan oleh Bank bagi pembukaan Akaun.

4. PELETAKAN DEPOSIT

- 4.1 Akaun terbuka kepada semua individu dan bukan individu berdasarkan umur seperti berikut:
 - (a) BSN Term Deposit-i – Warganegara Malaysia & Bukan Warganegara yang mempunyai alamat tetap di Malaysia yang berumur 15 tahun & ke atas dan perusahaan perniagaan yang beroperasi di Malaysia.
 - (b) BSN Term Deposit-i Senior Citizen – Warganegara Malaysia yang berumur 50 tahun & ke atas.
- 4.2 Setiap deposit hendaklah bersama dengan resit yang dikeluarkan oleh Bank dan apaapa dokumen lain yang dikemukakan oleh Pelanggan yang mungkin diperlukan oleh Bank. Resit yang dikeluarkan oleh Bank hanya sah jika disahkan oleh mesin dan/atau pegawai Bank yang diberi kuasa.
- 4.3 Deposit melalui cek hanya akan dikreditkan ke dalam Akaun setelah cek jelas. Jika cek tidak laku, Bank akan menghubungi Pelanggan untuk mengambil notifikasi cek tak laku atau atas permintaan

Pelanggan diposkan secara pos berdaftar ke alamat terakhir Pelanggan yang berdaftar dengan pihak Bank, di atas risiko Pelanggan sendiri dan apaapa perbelanjaan yang berkaitan akan didebitkan dari Akaun.

4.4 Peletakan deposit akan berkuatkuasa pada Hari Niaga.

5. PENGESAHAN DOKUMEN PENGENALAN

5.1 Semua transaksi yang dilakukan di Bank adalah tertakluk kepada bukti pengenalan yang diperlukan oleh pihak Bank dan hendaklah disahkan mengikut cara dan kaedah, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengenalpastian melalui pengesahan cap ibu jari, yang dianggap sesuai dan diterima pakai oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk bergantung kepada mana-mana proses pengesahan ke atas dokumen pengenalan yang dikemukakan oleh pihak Pelanggan dan meneruskan untuk melaksanakan transaksi perbankan yang berkaitan.

6. PERLANTIKAN BANK SEBAGAI EJEN

6.1 Pelanggan bersetuju melantik Bank dan Bank bersetuju menerima pelantikan sebagai ejen kepada Pelanggan secara wakil mutlak untuk melaksanakan semua pembelian dan penjualan Komoditi selaras dengan terma dan syarat.

6.2 Pelanggan bersetuju bahawa perwakilan yang diberikan kepada Bank seperti yang dinyatakan pada Klausa 2.2 terpakai kepada semua urusan deposit Pelanggan bagi Akaun tersebut.

6.3 Bank hanya akan bertindak sebagai ejen (membeli dan menjual Komoditi) dan tidak akan menerima, atau dilihat sebagai menerima apa-apa tanggungjawab tambahan untuk, atau mempunyai apa-apa tanggungjawab tambahan untuk, atau mempunyai apa-apa hubungan istimewa dengan Pelanggan.

6.4 Pihak Bank akan, dalam menjalankan tanggungjawabnya dalam membeli dan menjual komoditi, menjaga kepentingan pihak Pelanggan dan menjalankan tanggungjawab secara ikhlas.

6.5 Pelanggan mengakui, walaupun komoditi yang terlibat di dalam transaksi Komoditi Tawarruq boleh dihantar secara fizikal, Pelanggan bersetuju bahawa penghantaran komoditi secara fizikal ini tidak akan dilaksanakan. Namun sekiranya, Pelanggan berhasrat untuk mengambil milikan fizikal komoditi tersebut, Pelanggan perlu mengambil milikan fizikal tersebut mengikut cara yang bersesuaian dengan kos yang ditanggung olehnya sendiri.

6.6 Pelanggan bersetuju untuk menanggung rugi Bank terhadap segala tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, ganti-rugi, kos dan perbelanjaan dalam apa-apa bentuk yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat daripada tindakan sebagai ejen Pelanggan dalam transaksi Komoditi Tawarruq atau disebabkan pelanggaran obligasi oleh Pelanggan kecuali tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, ganti-rugi, kos dan perbelanjaan tersebut adalah disebabkan oleh salah laku sengaja, kecuaiian melampau atau penipuan pihak Bank. Tanggung rugi ini akan terus berkuatkuasa meskipun terma dan syarat ini ditamatkan dan apa-apa jumlah yang perlu dibayar di bawah ini tidak akan dikenakan potongan sama ada melalui tolak selesai, tuntutan balas atau sebaliknya.

6.7 Bank sebagai ejen kepada Pelanggan tidak akan dipertanggungjawabkan sekiranya Pelanggan mengalami kerugian atau kerosakan ke atas kepentingan Pelanggan (Muwakkil) kecuali kerugian atau kerosakan berlaku disebabkan oleh salah laku sengaja, kecuaiian melampau, penipuan atau pelanggaran syarat-syarat tertentu oleh Bank.

6.8 Pelanggan dengan ini bersetuju dengan mengekalkan akaun dengan Bank, pelantikan Bank sebagai ejen kepada Pelanggan akan berterusan dan hanya akan dihentikan serentak setelah pembubaran kontrak Tawarruq antara Pelanggan dan Bank.

7. TRANSAKSI PERDAGANGAN TAWARRUQ

- 7.1 Dengan membuka Akaun, Pelanggan bersetuju untuk melantik Bank sebagai ejen Pelanggan melalui akad Wakalah untuk melaksanakan perkara berikut:
- (a) Membeli komoditi daripada Pembekal; dan
 - (b) Menyempurnakan penjualan komoditi kepada Bank secara Murabahah pada Harga Jualan secara bayaran tertangguh.
- 7.2 Bank sebagai ejen Pelanggan, akan membeli komoditi pada Harga Belian daripada Pembekal secara tunai tertakluk kepada Hari Urusniaga Perdagangan.
- 7.3 Selepas itu, Bank sebagai ejen Pelanggan yang telah dilantik akan menyempurnakan penjualan komoditi kepada Bank secara Murabahah pada Harga Jualan secara bayaran tertangguh.
- 7.4 Seterusnya, Bank akan menjual Komoditi yang dimilikinya kepada Pembekal yang lain secara tunai pada harga bersamaan dengan jumlah deposit Pelanggan.
- 7.5 Transaksi Komoditi Tawarruq akan dilaksanakan setiap hari berdasarkan setiap jumlah deposit oleh Pelanggan pada tarikh peletakan deposit.
- 7.6 Harga Jualan dikira seperti berikut:
- Harga Jualan = Jumlah Peletakan (RM) + Jumlah Keuntungan (RM)**
- 7.7 Keuntungan akan dikira berdasarkan formula berikut:
- Keuntungan = Jumlah Peletakan Deposit (RM) x Kadar Keuntungan (%) x Bilangan Hari Peletakan Deposit / 365 @ 366**
- 7.8 Pelanggan mempunyai hak untuk memohon dan mengambil fizikal dan penyerahan Komoditi tertakluk kepada syarat-syarat minimum dan mematuhi terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh penyedia Platform Komoditi. Permintaan bagi penyerahan Komoditi boleh dilakukan di mana-mana cawangan Bank pada waktu urusniaga perbankan dan urusan penyerahan di antara Pelanggan dan Platform Komoditi adalah ditanggung sendiri oleh Pelanggan.
- 7.9 Pada Tarikh Matang, Bank akan membayar Harga Jualan berdasarkan kepada kaedah pembayaran yang dipilih oleh Pelanggan sepertimana di dalam Borang Permohonan Akaun.

8. KEUNTUNGAN

- 8.1 Keuntungan akan dikreditkan ke dalam akaun simpanan Pelanggan yang dibuka dengan bank.
- 8.2 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank berhak pada bila-bila masa untuk menyemak semula kadar keuntungan dengan mengemukakan notis kepada Pelanggan dengan memaparkan kadar semak semula di cawangan-cawangan Bank atau di laman sesawang Bank. Sebarang perubahan pada kadar keuntungan akan terpakai kepada peletakan baharu / pembaharuan Akaun.
- 8.3 Keuntungan akan dibayar kepada Pelanggan tertakluk kepada jumlah peletakan deposit minimum dan tempoh peletakan seperti berikut:
- (a) BSN Term Deposit-i

Tempoh (Bulan)	Peletakan Minimum (RM)		Kekerapan Pembayaran Keuntungan
	Individu	Bukan Individu	
1	1,000	1,000	Pada Tarikh Matang
2 - 12	500	500	Pada Tarikh Matang
15 - 60	500	500	Setiap 6 bulan / Pada Tarikh Matang

(b) BSN Term Deposit-i Senior Citizen

Tempoh (Bulan)	Peletakan Minimum (RM)	Kekerapan Pembayaran Keuntungan
12 - 60	5,000 – 50,000	Setiap 4 bulan
12 - 60	> 50,000	Setiap bulan

9. PENEBUSAN

9.1 Penebusan awal atau permintaan awal terhadap Harga Jualan (amaun deposit beserta keuntungan) Akaun sebelum tarikh matang adalah tertakluk kepada tarikh peletakan / pembaharuan seperti berikut:

(a) Bagi peletakan / pembaharuan **sebelum 1 Januari 2019**, Pelanggan dengan ini mengesahkan dan bersetuju untuk memberikan rebat (lbra') dengan melepaskan sebahagian atau keseluruhan keuntungan daripada Harga Jualan sepertimana yang telah dipersetujui bersama Bank dan seterusnya bersetuju dengan ketetapan berikut :

- Penebusan dilakukan selepas tempoh 1 bulan atau lebih dari tarikh peletakan / pembaharuan, Pelanggan layak mendapat 50% daripada keuntungan terakru.
- Penebusan dilakukan dalam tempoh kurang daripada 1 bulan dari tarikh peletakan / pembaharuan, pelanggan tidak layak menerima sebarang keuntungan.

(b) Bagi peletakan / pembaharuan **pada atau selepas 1 Januari 2019**, Pelanggan dengan ini mengesahkan dan bersetuju untuk memberikan rebat (lbra') dengan melepaskan keseluruhan keuntungan daripada Harga Jualan. Pelanggan tidak akan menerima sebarang keuntungan tanpa mengambil kira bilangan bulan yang telah lengkap. Sekiranya keuntungan telah dikredit ke dalam akaun simpanan Pelanggan sebelum penebusan awal dilakukan, Bank berhak untuk mendapat semula keuntungan daripada amaun prinsipal pada masa penebusan awal;

9.2 Penebusan boleh dibuat di mana-mana cawangan Bank atau mana-mana saluran lain yang disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa.

10. PEMBAHARUAN AKAUN

10.1 Akaun yang telah matang dan tidak ditebus oleh Pelanggan akan diperbaharui secara automatik oleh Bank. Pembaharuan tersebut adalah tertakluk kepada terma dan syarat sedia ada kecuali kadar keuntungan yang akan dikenakan adalah pada kadar yang berkuatkuasa semasa pembaharuan dibuat.

10.2 Akaun tidak boleh dipindah milik, diniagakan atau dicagarkan kepada pihak lain tanpa kelulusan bertulis dari Bank.

11. LIABILITI

11.1 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab untuk atau bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang disebabkan oleh operasi akaun yang dibuka oleh Pelanggan dengan Bank melainkan kerugian tersebut adalah secara lansung disebabkan oleh kecaian pihak Bank secara sengaja.

11.2 Pelanggan bersetuju akan bertanggungjawab dan menanggung rugi Bank secara penuh ke atas kesemua penalti, caj, ganti rugi, tuntutan, kerugian, kos dan perbelanjaan (guaman atau selainnya termasuk kos atas rundingan peguam cara dengan klien) yang ditanggung oleh Bank akibat:-

- (a) Pelanggan melanggar terma dan syarat ini;
- (b) Pelanggan melakukan penipuan;
- (c) Pelanggan mendedahkan Butiran Keselamatan kepada mana-mana orang lain atau dalam apa-apa e-mel atau di laman web yang bukan milik Bank;
- (d) Kegagalan Pelanggan mengambil langkah yang munasabah bagi memastikan Butiran Keselamatan dirahsiakan dan/atau selamat pada setiap masa;

- (e) Kegagalan Pelanggan untuk melaporkan pelanggaran, pendedahan atau kompromi Butiran Keselamatan tersebut seberapa segera yang mungkin sebaik sahaja menyedari tentang pelanggaran atau kehilangan itu;
 - (f) Bank mengeluarkan mandat yang sah yang diminta oleh Pelanggan;
 - (g) Bank menguatkuasakan mana-mana haknya terhadap Pelanggan;
 - (h) Bank mematuhi mana-mana keperluan kawal selia; dan/atau
 - (i) Bank mematuhi apa-apa penghakiman Mahkamah atau apa-apa Perintah Mahkamah, sama ada mempunyai kuatkuasa undang-undang atau tidak, yang dikeluarkan oleh mana-mana badan tribunal, entiti yang ditubuhkan secara sah atau pihak berkuasa, yang timbul daripada apa-apa tindakan atau prosiding (melalui atau selain Mahkamah) dan yang terpakai untuk atau ditujukan kepada atau dalam apa-apa cara yang berkaitan dengan Pelanggan, dan/atau akaun Pelanggan di Bank.
- 11.3 Tanggung rugi yang diperuntukkan di atas tidak akan terpakai kepada perbankan elektronik yang dibenarkan untuk dilakukan oleh Bank setakat kerugian, kos atau perbelanjaan yang ditanggung yang timbul daripada:
- (a) Kegagalan Bank untuk memaklumkan Pelanggan tentang obligasi Pelanggan untuk memastikan kerahsiaan dan keselamatan Butiran Keselamatan, serta obligasi Pelanggan untuk memaklumkan Bank dengan segera sekiranya berlaku pelanggaran, pendedahan atau kompromi ke atas perkara tersebut;
 - (b) Kegagalan Bank untuk menyediakan Pelanggan dengan cara yang sewajarnya untuk memaklumkan Bank tentang apa-apa transaksi yang tidak dibenarkan atau yang dipertikaikan;
 - (c) Kerosakan teknikal atau kekurangan yang terbukti dalam sistem dan kelengkapan di bawah kawalan penuh Bank;
 - (d) Kelemahan atau pendedahan yang terbukti dalam ciri keselamatan dan kawalan yang digunakan oleh Bank;
 - (e) Transaksi yang berlaku selepas Pelanggan memaklumkan Bank tentang transaksi yang tidak dibenarkan atau tentang pelanggaran, pendedahan atau kompromi ke atas apa-apa Butiran Keselamatan dengan syarat pelanggaran, pendedahan atau kompromi Butiran Keselamatan tersebut bukan disebabkan oleh tindakan Pelanggan;
 - (f) Transaksi yang berlaku sebelum Pelanggan menerima apa-apa Butiran Keselamatan yang berkaitan dengan akses dan penggunaan akaun Pelanggan; dan/atau
 - (g) Butiran Keselamatan yang dipalsukan, rosak, tamat tempoh atau dibatalkan dengan syarat perkara tersebut bukan disebabkan oleh tindakan atau pengabaian Pelanggan sendiri.

12. HAK UNTUK MENDEBIT AKAUN DAN PELARASAN

- 12.1 Pelanggan dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk membuat pendebitan akaun ke atas sebarang akaun berkaitan yang telah tersilap bayar atau terkredit ke dalam akaun dan/atau oleh sebab mana-mana keralatan operasi Bank dan/atau sistem dan/atau apa-apa sebab lain yang di luar kawalan munasabah Bank dengan memberikan notis yang munasabah kepada Pelanggan sebelum sebarang pelarasan dilakukan.

13. HAK UNTUK TOLAK SELESAI

- 13.1 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk menolak selesai atau memindahkan sebarang baki kredit dalam Akaun bagi tujuan pengurangan dan/atau pelepasan sebarang jumlah terhutang kepada Bank, dengan memberikan notis tujuh (7) hari sebelum tarikh kuatkuasa kepada Pelanggan.

14. AKAUN BERSAMA

- 14.1 Pelanggan Akaun Bersama hendaklah secara bersama dan berasingan mengaku janji untuk

menanggunggrugi dan melepaskan Bank daripada apa-apa kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan liabiliti lain dalam apa jua pun dan pada bila-bila masa yang ditanggung yang timbul daripada apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh mana-mana Pelanggan Akaun Bersama.

- 14.2 Sama ada secara salah seorang atau bersama, kuasa yang diberikan kepada penandatanganan diberi kuasa untuk mengendalikan Akaun Bersama hendaklah dianggap termasuk tanpa had bagi perkara yang berikut:
- (a) Pelantikan Bank sebagai ejen seperti yang dinyatakan dalam klausa 6.
 - (b) Pengeluaran apa-apa jumlah Akaun Bersama;
 - (c) Penerusan dan penutupan Akaun Bersama;
 - (d) Penggunaan apa-apa kemudahan yang disediakan oleh Bank untuk membayar bil atau memindahkan dana daripada Akaun Bersama;
 - (e) Penggunaan apa-apa perkhidmatan elektronik yang dari semasa ke semasa disediakan oleh Bank menurut terma dan syarat dan pembayaran semua fi, kos atau perbelanjaan berhubung dengannya daripada Akaun Bersama;
 - (f) Pemberian apa-apa arahan tetap bagi pembayaran daripada Akaun Bersama;
 - (g) Pemberian apa-apa tanggung rugi bertulis yang diperlukan oleh Bank berhubung dengan pengendalian Akaun Bersama atau apa-apa yang disebut sebelum ini; dan
 - (h) Secara umum kuasa untuk memohon, membatalkan, mengubah suai atau melakukan semua perkara yang berkaitan dengan mana-mana perkara yang disebut di atas.
- 14.3 Apabila Bank menerima pemakluman kematian mengenai salah seorang Pelanggan Akaun Bersama, Bank dengan ini berhak untuk membuat pembayaran baki Akaun tersebut kepada Pelanggan Akaun Bersama yang masih hidup.

15. AKAUN SYARIKAT

- 15.1 Pelanggan adalah bertanggungjawab terhadap semua liabiliti dan peruntukan yang mentadbir Akaun Syarikat.
- 15.2 Arahan dan mandat yang diberikan untuk pengendalian Akaun Syarikat akan berkuat kuasa secara berterusan sehingga dibatalkan secara bertulis dan digantikan dengan arahan dan mandat baharu dan akan terpakai tanpa mengambil kira sebarang perubahan dalam pengarah/ keanggotaan, yang mana berkaitan, sama ada dengan kematian, kebangkrutan dan/atau persaraan.

16. PENUTUPAN AKAUN

- 16.1 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank berhak untuk:
- (a) Menutup mana-mana Akaun jika nama Pelanggan terdapat dalam senarai hitam yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan;
 - (b) Menutup mana-mana Akaun walau atas apa-apa sebab sekalipun dengan memberikan notis yang munasabah mengenai tujuan tersebut.

17. WANG TAK DITUNTUT

- 17.1 Pelanggan dengan ini bersetuju untuk memastikan akaun mereka aktif dengan sentiasa mengemaskini akaun tersebut sekurang-kurangnya sekali dalam 7 tahun dari tarikh transaksi terakhir dilakukan.
- 17.2 Mana-mana wang berbaki kredit di dalam Akaun yang tidak beroperasi selama tujuh (7) tahun dari tarikh transaksi terakhir (selain daripada transaksi kredit / debit yang dikendalikan oleh Bank dan pembaharuan automatik Akaun oleh sistem) akan diklasifikasikan sebagai "Wang Tak Dituntut". Bank akan menutup Akaun tersebut dan memindahkan baki wang kepada Pendaftar Wang Tak

Dituntut di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965 dan pindaan keatasnya. Sebarang tuntutan untuk wang tersebut hendaklah dilakukan oleh Pelanggan secara terus melalui Pendaftar Wang Tak Dituntut.

- 17.3 Bank hendaklah memberikan Notis Mencukupi, memaklumkan Pelanggan berkenaan pemindahan wang akibat daripada Akaun dorman sebelum pemindahan wang dilaksanakan. Pelanggan juga hendaklah dimaklumkan berkenaan pilihan untuk pengaktifan semula Akaun atau penutupan Akaun bagi mengelakkan wang dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.
- 17.4 Pelanggan boleh mengaktifkan Akaun mereka dengan mengemaskini Akaun di mana-mana cawangan Bank atau memberi arahan kepada Bank untuk pengaktifan semula akaun tertakluk kepada pengesahan identiti Pelanggan.
- 17.5 Keuntungan ke atas Akaun akan diberhentikan apabila Akaun telah menjadi Wang Tak Dituntut.

18. PERTUKARAN BUTIRAN

- 18.1 Pelanggan hendaklah dengan segera memaklumkan pihak Bank sebarang pertukaran alamat, nombor untuk dihubungi, penandatanganan yang diberi kuasa atau butiran lain dengan mengunjungi cawangan Bank, sekiranya gagal, pihak Bank berhak untuk bergantung kepada butiran terakhir yang diketahui di dalam rekod Bank.

19. PEMBEKUAN AKAUN

- 19.1 Pihak Bank berhak untuk membekukan Akaun pada bila-bila masa berdasarkan mana-mana peruntukan undang-undang, arahan BNM atau siasatan atau perintah mahkamah, peraturan atau enakmen, kebangkrapan Pelanggan, penggulungan syarikat, kematian Pelanggan (ketaksiuman atau atas budi bicara pihak Bank).
- 19.2 Fasal di atas merujuk kepada pemegang akaun individu, akaun bersama atau akaun syarikat.
- 19.3 Pelanggan hendaklah berunding dengan pihak Bank bagi tujuan tidak membekukan akaun bersama bukti yang sesuai yang memuaskan hati pihak Bank bahawa tindakan itu telah ditarik balik dengan sewajarnya.
- 19.4 Pelanggan bersetuju bahawa jika Bank didakwa atau dijadikan pihak dalam apa-apa tindakan guaman yang timbul kerana tindakan Bank dalam Pembekuan Akaun atau jika Bank sebelum atau selepas Pembekuan Akaun itu memulakan apa-apa tindakan guaman terhadap mana-mana pihak termasuk Pelanggan untuk apa-apa pelepasan atau pengisytiharan yang wajar yang akan dibuat oleh mana-mana mahkamah, semua penalti, kerugian, ganti rugi, tuntutan, perbelanjaan, caj dan kos (guaman atau selainnya termasuk kos berdasarkan rundingan peguam cara dengan pelanggan) yang mungkin diawadkan kepada Bank atau yang mungkin ditanggung oleh Bank, hendaklah ditanggung rugi oleh Pelanggan.

20. ANTI PENCEGAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN

- 20.1 Pelanggan hendaklah pada setiap masa memastikan bahawa tiada dana yang dipindahkan ke dan dari akaun adalah hasil daripada, atau akan digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang yang melanggar mana-mana Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram.
- 20.2 Pelanggan berakujanji **tidak akan**:
 - (a) Menggunakan akaun, secara langsung atau tidak langsung, untuk transaksi yang melibatkan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang;
 - (b) Menyembunyikan atau menyamarkan sifat sebenar sebarang aktiviti yang menyalahi undang-

- undang;
- (c) Menggunakan sebarang wang daripada akaun untuk sebarang perubahan wang haram atau tujuan lain yang menyalahi undang-undang.
- 20.3 Pelanggan bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk meminta Pelanggan untuk memberikan Bank semua dokumen, maklumat dan kebenaran yang diperlukan oleh Bank untuk membuka dan menyelenggara Akaun Pelanggan bagi memenuhi keperluan *Know Your Customer*, Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan keperluan Anti-Pembiayaan-Keganasan dan mana-mana undang-undang dan peraturan lain yang Bank perlukan atau bersetuju untuk mematuhi. Pelanggan mesti memberitahu Bank dengan segera, secara bertulis, sebarang perubahan dalam mana-mana dokumen, maklumat atau kebenaran yang diberikan kepada Bank, dan memberikan Bank dokumen sokongan dan bukti sebarang perubahan tersebut.
- 20.2 Untuk mematuhi undang-undang tempatan atau luar negara, peraturan, kod sukarela, arahan, penghakiman atau perintah mahkamah, dan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia atau agensi penguatkuasaan, dasar, amalan baik, sekatan atau embargo kerajaan, keperluan pelaporan di bawah perundangan dan tuntutan transaksi kewangan atau permintaan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia, tribunal, agensi penguatkuasaan, badan pertukaran yang berkaitan dengan pengubahan wang haram dan aktiviti yang menyalahi undang-undang, Bank mempunyai hak untuk mengambil sebarang tindakan yang dipercayai perlu, termasuk pembekuan dana, menghalang operasi akaun, menolak permintaan untuk dana daripada Pelanggan, tidak membenarkan Pelanggan menggunakan produk, atau menanggung atau membatalkan transaksi. Bank tidak perlu memaklumkan Pelanggan sehingga masa yang munasabah selepas ia dibenarkan berbuat demikian di bawah undang-undang atau polisi tersebut. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang timbul daripada sebarang tindakan yang diambil atau sebarang kelewatan atau kegagalan oleh Bank, dalam melaksanakan mana-mana kewajipannya atau kewajipan lain.

21. PENDEDAHAN MAKLUMAT PELANGGAN DAN DATA PERIBADI

- 21.1 Pelanggan membenarkan dan memberi kuasa kepada Bank untuk mengutip, memproses, mendedahkan, memindahkan, menyelenggara, menyimpan dan mengekalkan data peribadi Pelanggan menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Data Peribadi di bawah Klausula ini mempunyai maksud yang sama sepertimana di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Data Peribadi").
- 21.2 Pelanggan membenarkan dan bersetuju untuk Bank mendedahkan hal ehwal atau Akaun Pelanggan berdasarkan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan Data Peribadi Pelanggan termasuk alamat, nombor telefon atau alamat e-mel, bagi tujuan yang berkaitan dengan pengendalian akaun Pelanggan kepada mana-mana pihak yang disenaraikan di bawah ("Pihak-Pihak Dibenarkan"):-
- (a) Mana-mana pegawai, pekerja, ejen atau pengarah Bank, subsidiari, syarikat-syarikat berkaitan, sekutu dan wakil; atau
 - (b) Pihak ketiga yang berkenaan seperti penasihat profesional, rakan perniagaan strategik dan pakatan, penyedia perkhidmatan, syarikat insurans/pengendali Takaful atau insurans/broker Takaful, peniaga, pembekal, rakan niaga dan ejen perniagaan yang menyokong aktiviti operasi Bank dan yang berada di bawah kewajipan undang-undang untuk kerahsiaan data anda; atau
 - (c) Mana-mana peserta sebenar atau berpotensi atau pemegang serah hak, novatee atau penerima pindahan hak-hak dan/atau kewajipan Bank di bawah apa-apa transaksi antara Bank dan anda (atau mana-mana ejen atau penasihat profesional); atau
 - (d) Mana-mana agensi penarafan atau pembekal langsung / tidak langsung perlindungan kredit kepada Bank; atau
 - (e) Mana-mana pihak seperti yang dikehendaki oleh manamana undang-undang atau mana-mana kerajaan, separa kerajaan, pentadbiran, badan/penyelidikan kawal selia atau pihak berkuasa, mahkamah atau tribunal; atau

- (f) Mana-mana agensi rujukan kredit yang digunakan oleh Bank bagi penilaian kredit atau kajian semula kredit Pelanggan dan pihak-pihak yang berkaitan dengan kemudahan yang disediakan oleh Bank; atau
 - (g) Apa-apa agensi rujukan jenayah kewangan, institusi kewangan yang lain dan mana-mana ejen masing-masing; atau
 - (h) Mana-mana penjamin atau penyedia cagaran untuk kemudahan Pelanggan; atau
 - (i) Pihak berkuasa cukai negara/ bidangkuasa lain atau negara/ negaradimana Pelanggan boleh menjadi pemastautin cukai menurut perjanjian antara kerajaan dimana Bank mempunyai kewajiban untuk membuat pertukaran terhadap apa-apa maklumat akaun.
- 21.3 Pelanggan dengan ini secara nyata bersetuju pendedahan tersebut dan mengesahkan dan mengisytiharkan bahawa terma-terma yang terkandung di dalamnya hendaklah tertakluk kepada Polisi Privasi yang boleh diakses di Laman Web Bank. Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan di antara terma yang terkandung di sinidengan terma yang dinyatakan dalam Polisi Privasi, terma dan syarat di dalam Polisi Privasi akan diguna pakai.
- 21.4 Pelanggan dengan ini mengakui bahawa Pelanggan mempunyai hak untuk menarik balik kebenaran yang telah diberikan mengikut proses yang dinyatakan dalam Polisi Privasi. Walaubagaimanapun, penarikan balik kebenaran Pelanggan boleh menjejaskan perkhidmatan yang diberikan oleh Bank kepada Pelanggan.

22. KEADAAN YANG TIDAK DIJANGKA

- 22.1 Walau apa pun peruntukan lain yang terkandung dalam dokumen ini, sekiranya pihak Bank tidak dapat melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan mana-mana perkhidmatan atas apa-apa sebab di luar kawalan Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, pandemik, malapetaka, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, pertikaian perindustrian, tindakan musuh awam, embargo, peperangan, bencana alam atau apa-apa faktor yang bersifat tidak boleh dijangka Bank tidak boleh, dalam apa jua keadaan, dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kemungkiran obligasi, kesulitan, kerugian, kecederaan, kerosakan yang ditanggung ataudialami oleh Pelanggan akibat daripadanya.

23. PERUBAHAN TERMA DAN SYARAT

- 23.1 Walau apapun yang terkandung disini, Bank berhak dengan memberi Notis Mencukupi sebelum tarikh berkuatkuasa, untuk menambah, menggugur atau meminda mana-mana peruntukan yang dinyatakan di sini pada bila-bila masa. Sebarang perubahan, penambahan, pengguguran atau pindaan ("Pindaan") kepada peruntukan di dalam ini akan mengikat Pelanggan dan Bank dianggap telah membuat pemakluman kepada Pelanggan melalui notis tersebut. Kesemua Terma dan Syarat sebelumnya akan terbatal dan digantikan sepenuhnya oleh Terma dan Syarat terkini.
- 23.2 Sebarang pemakluman daripada Bank kepada Pelanggan boleh dihantar secara peribadi atau melalui pos berdaftar / biasa kepada Pelanggan di alamat semasa yang disimpan oleh Bank atau melalui paparan di Laman Web Bank atau premis Bank atau melalui perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) atau dengan cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank.
- 23.3 Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan atau percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan mana-mana dokumen lain yang berkaitan dengan produk, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.

24. UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL & BIDANG KUASA

- 24.1 Terma dan Syarat ini adalah ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.